


DAFTARKAN ... Kakitangan OKU UMS yang pertama, Prof. Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah (kiri) sedang mendaftar di Pejabat Pendaftar Universiti Malaysia Sabah.



TEMURAMAH ... Prof Madya Dr. A. Rahman (Kanan) sedang ditemuramah oleh pemberita.

# UMS daftar kakitangan OKU pertama

NST 03.02.2012 7

**KOTA KINABALU:** Sejarah tercipta bagi Universiti Malaysia Sabah apabila buat jumlah kalinya seorang Pensyarah golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) telah mendaftar sebagai kakitangan di universiti tersebut kelmarin.

Prof. Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah yang berasal daripada Muar, Johor telah mendaftar secara rasmi sebagai kakitangan akademik UMS di Pejabat Pendaftar, Bangunan Canselori UMS.

Beliau yang mempunyai masalah dalam penglihatan telah datang ditemani anak lelakinya dan akan bertugas di Sekolah Sains Sosial UMS.

Ketika ditemui pemberita, beliau menyatakan rasa bertuah dan sangat berterima kasih kepada pihak UMS atas tawaran yang diberikan tanpa mengira kekurangan yang ada padanya apatah lagi diberi peluang untuk meneruskan karier di universiti yang berprestij negeri ini.

"Tawaran ini membolehkan saya untuk meneruskan cita-cita dalam menabur bakti kepada nusa dan bangsa. Ia juga bertepatan dengan keinginan saya untuk menambah pengetahuan dan membuat penyelidikan mengenai sejarah di Kepulauan Borneo khususnya di Sabah dan Sarawak," ujarnya yang mempunyai kepakaran dalam bidang sejarah Malaysia.

Tambahnya, walaupun baru pertama kali menjekkan kaki di negeri di Bawah Bayu, beliau sangat tertarik dengan negeri ini yang disifatkan sebagai negeri yang dinamik dan

mempunyai pelbagai tarikan di luar jangkaannya.

Ketika diminta mengulas mengenai kedudukan golongan OKU di negara ini, beliau menyatakan semua golongan yang senasib dengannya perlu sentiasa peka dan proaktif mengikut peredaran arus perdana.

"Kita harus akui bahawa dunia bukan dicipta untuk satu golongan sahaja. Oleh yang demikian kita harus sentiasa mengikut peredaran ini dan proaktif dalam mencari peranan masing-masing yang telah ditentukan oleh-Nya," tambah Dr. A Rahman lagi.

Walaubagaimanpun, beliau tidak menafikan bahawa golongan OKU ini juga turut memerlukan perhatian daripada masyarakat setempat.

"Kami sangat memerlukan empati daripada orang ramai agar mereka faham mengenai keadaan kami. Itulah yang sebenarnya kami inginkan dan bukannya perasaan simpati terhadap kekurangan yang dimiliki," luahnya lagi yang sebelum ini bertugas selama 18 tahun di Universiti Antarabangsa Malaysia (UIA).

Prof. Madya Dr. A Rahman memulakan kariernya sebagai tutor di Universiti Malaya pada tahun 1992. Setahun kemudian, beliau bertugas sebagai pensyarah di UIA sebelum melanjutkan kariernya di UMS pada tahun ini. Walaupun mempunyai masalah dalam penglihatan, ia tidak menghalang beliau untuk menamatkan pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti of London.



TIBA ... Prof Madya Dr. A. Rahman (kiri) datang ditemani anaknya ketika mendaftarkan sebagai kakitangan UMS.

## Jangan terpengaruh dakyah mahu jatuhkan kerajaan, kata Md Isa

**KANGAR:** Warga pendidik khususnya di negeri ini diingatkan supaya tidak mudah terpengaruh dengan dakyah pihak-pihak yang mahu menjatuhkan kerajaan demi kepentingan diri mereka.

Menteri Besar Perlis Datuk Dr Md Isa Sabu ketika memberikan ingatan itu berkata sebagai golongan profesional dan intelektual, para guru perlu sentiasa berada di hadapan dan peka dengan usaha-usaha kerajaan yang sangat menitikberatkan soal pendidikan.

"Saya tidak mahu golongan pendidik terpedaya dengan pihak yang mahu menggugat kekuatan kerajaan."

Sama-samalah hindarkan diri daripada dakyah yang tidak membawa faedah dan merosakkan peribadi," katanya ketika berucap pada majlis Perutusan Tahun 2012 Jabatan Pelajaran Perlis, di sini pada Selasa.

Md Isa berkata para guru yang merupakan golongan berpengaruh juga mestilah memahami semua dasar yang dilancarkan kerajaan terutama yang melibatkan sis-

tem pelajaran negara.

"Kerajaan yang ada sekarang meletakkan kepentingan anak-anak lebih dari pada yang lain-lain. Pemberian wang bantuan RM100 kepada semua pelajar baru-baru ini menunjukkan kerajaan bersikap adil," katanya.

Menteri Besar berkata warga pendidik juga perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan dan bermuhasabah diri serta tidak mudah berpuas hati dengan apa yang dimiliki sekarang kerana tuntutan dan cabaran masa depan akan bertambah getir.

"Setiap guru perlu muhasabah diri dan menilai apakah tahap komitmen yang telah diberikan dan sejauh mana iltizam dalam menjunjung imej dalam profesion ini."

"Adakah sumbangan para guru sudah mencukupi? Saya juga berharap para guru dapat memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab dalam usaha membangunkan pendidikan di Perlis," katanya. - Bernama